

BAB I

SEJARAH RINGKAS KEDATANGAN ISLAM KE PAHANG DAN BADAN PENTADBIRNYA

I) Pahang Sebelum Kedatangan Islam

Pahang merupakan sebuah negeri yang terbesar di Semenanjung Malaysia ini dengan lebih daripada 50% penduduknya adalah terdiri dari pada orang-orang Melayu yang kebanyakannya mengamalkan adat Temenggung.¹ Mereka mengarut ugama Islam yang dipengaruhi pula oleh undang-undang adat atau kepercayaan lama.²

Melaka telah dibuka pada tahun 1411 namun begitu Pahang telah pun ada sebelum daripada tarikh itu lagi sehingga orang-orang Majapahit sendiri berpendapat dan menyebut bahawa Semenanjung Malaysia ini sebagai Pahang sahaja. Diwaktu itu bahagian utara Semenanjung ini dikuasai oleh Kerajaan Ligor dan Pahang di selatannya. Negeri ini pernah ditakluki oleh kerajaan Sri Vijaya, Majapahit, Siam, Melaka dan Aceh. Oleh itu, terdapat kesan-kesan daripada peninggalan pemerintahan kerajaan itu yang masih ada. Antaranya ialah ugama dan kepercayaan-kepercayaan penduduknya. Penaklukan Sri Vijaya dan Majapahit telah membawa ugama

1. Abdullah Siddik, Pengantar Undang-Undang Adat Malaysia, Universiti Malaya, 1975, hal. 162.

2. Gullick, JM., Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat, DEP., 1970, hal. 223.

BAB I

SEJARAH RINGKAS KEDATANGAN ISLAM KE PAHANG DAN BADAN PENTADBIRNYA

I) Pahang Sebelum Kedatangan Islam

Pahang merupakan sebuah negeri yang terbesar di Semenanjung Malaysia ini dengan lebih daripada 50% penduduknya adalah terdiri daripada orang-orang Melayu yang kebanyakannya mengamalkan adat Temenggung.¹ Mereka menganut ugama Islam yang dipengaruhi pula oleh undang-undang adat atau kepercayaan lama.²

Malaka telah dibuka pada tahun 1411 namun begitu Pahang telah pun ada sebelum daripada tarikh itu lagi sehingga orang-orang Majapahit sendiri berpendapat dan menyebut bahawa Semenanjung Malaysia ini sebagai Pahang sahaja. Diwaktu itu bahagian utara Semenanjung ini di-kuasai oleh Kerajaan Ligor dan Pahang di selatannya. Negeri ini pernah ditakluki oleh kerajaan Sri Vijaya, Majapahit, Siam, Melaka dan Aceh. Oleh itu, terdapat kesan-kesan daripada peninggalan pemerintahan kerajaan itu yang masih ada. Antaranya ialah ugama dan kepercayaan-kepercayaan penduduknya. Penaklukkan Sri Vijaya dan Majapahit telah membawa ugama

1. Abdullah Siddik, Pengantar Undang-Undang Adat Malaysia, Universiti Malaya, 1975, hal. 162.

2. Gullick, JM., Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat, DEP., 1970, hal. 223.

dan adat-adat Hindu ke negeri ini. Siam membawa ugama Buddha-Mahayana. Manakala Melaka dan Aceh membawa ugama Islam.

Negeri Pahang dahulunya dikenali oleh pengembara-pengembara luar dengan berbagai nama. Pengembara-pengembara Cina menyebutnya sebagai Pak-leng, Peng-heng, Pang-hang, Pong-fang, Phe-hang, Pang-kang, Peng-hang (Ini termasuklah Fei Haien sendiri).³ Penulis-penulis barat memanggil Pahang dengan sebutan Pam, Pan, Phang, Paam Pac, Paon, Phaen, Pahan, Tenhan, Phang dan Pahangh.⁴ Tun Sri Lanang menggelar Pahang sebagai Inderapura.⁵ Haji Buyong Adil di dalam bukunya Sejarah Pahang berpendapat asal nama Pahang itu adalah dari bahasa Siam - Asli (Khmer) yang bermaksud Timah. Ini mungkin disebabkan diwaktu itu banyak timah telah dihasilkan oleh negeri ini.⁶ Sementara orang-orang Jakun mendakwa bahawa nenek moyang mereka dahulu menyebut negeri ini sebagai "Mahang". Orang-orang tua Melayu di negeri ini pula berpendapat nama itu sebenarnya adalah berasal dari nama sebatang pokok.⁷

Kedatangan dan penaklukan Sri Vijaya dan Majapahit telah membawa kepercayaan Hindu ke Pahang. Sebelum itu, kebanyakan penduduk negeri

3. Hj. Buyong Adil, Sejarah Pahang, DBP., 1973, hal. 1-3, Linehan, History of Pahang, JMBRAS, Reprint 1973, hal. 1-3.

4. Ibid.

5. Tun Sri Lanang, Sejarah Melayu, hal. 99, cerita XIII.

6. Hj. Buyong Adil, op-cit., hal. 1, m.s. 3.

7. Linehan, loc-cit.

mengamuk faham animisme. Walaubagaimanapun G.R. Tilbetts tidak dapat memastikan apakah ugama asal di Pahang dalam membuat komentar mengenai catitan 'Masuksi' dalam bukunya Muruj al-Dhahab yang berbunyi:

"Di Laut Kenderang ramai orangnya, termasuklah orang yang disebut Panjab yang berambut ikal dan berbentuk badan yang ganjil rupanya. Mereka menggunakan perahu, perahu kecil dan datang mengalilingi sebarang kapal-kapal yang tiba ke tempat mereka melepaskan sejenis anak panah yang ganjil dan beracun."⁸

G.R. Tilbetts berpendapat Laut Kenderang itu dimaksudkan sebagai Laut Cina Selatan dan 'Panjab' itu ialah Panghang atau Pahang. Oleh itu ia cuba menerangkan maksud sebenar kenyataan itu beserta keadaan-keadaannya.

Kerajaan Sri Vijaya telah ujud di Asia Tenggara ini sejak abad ke 7 lagi. Salah satu jajahananya ialah Pahang. Kenyataan oleh Chao Ju-kua menyatakan bahawa Sri Vijaya telah menakluki Pahang pada tahun 1225. (Ia menyebut Pahang sebagai Peng-h'eng dan Sri Vijaya sebagai San Fo-Chi). Mengenai penduduk dan kepercayaan mereka telah dinyatakan

8. Paul Wheatley, The Golden Khersonese, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, hal. 228.

oleh Wang Ta Yuan di dalam bukunya "Tao-i-Chi-ho" yang ditulis pada tahun 1349 seperti berikut;

"...adat orang-orang dalam negeri itu sedikit sahaja bezanya dengan adat orang-orang di Ting - chialu (Trenggamu). Rambut lelaki dan perempuannya bersanggul dan mereka memakai pakaian daripada kain benang kapas yang lebuh dari kain itu diikat berkeliling pinggang dengan tali kain benang kapas juga."⁹

Berdasarkan butir-butir ini ada dua sebab utama kenapa dinyatakan Pahang diwaktu itu berugama Hindu:-

- 1) Sri Vijaya ialah sebuah kerajaan Hindu di Asia Tenggara ini. Keseluruhan cara kehidupan rakyat mereka dipengaruhi oleh ugama itu. Ugama ini turut berkembang apabila berlaku sebarang penaklukan dan percampuran mereka dengan penduduk tempatan. Sedikit sebanyak ugama ini mempunyai persamaannya dengan kepercayaan penduduk tempatan. Oleh itu tidak menjadi persoalan kenapa ia begitu mudah diterima oleh penduduk tempatan kerana adanya proses asimilasi antara satu dengan lain.

9. Paul Wheathy, op-cit., m.s. 6.

2) Pakaian yang disebutkan oleh Wang Ta Yuan itu seringnya dipakai oleh mereka-mereka berugama Hindu. Ini mempunyai persamaan dengan apa yang pernah dipakai oleh penduduk kerajaan Langkasuka. Kebudayaan ini berbeza sekali kalau hendak dinyatakan sebagai kebudayaan Buddha. Pakaian-pakaian itu adalah tiruan dari kebudayaan hindu.

Berdasarkan ini, Pahang diwaktu itu dipengaruhi oleh kepercayaan Hindu. Ini diperkuatkan lagi oleh suatu catatan daripada sejarah Dinasti Ming dalam bukunya "Ming Shih" (1368-1643) yang secara kesimpulan menyatakan ¹⁰ ugama yang dianuti oleh penduduk Pahang ialah ugama Hindu.

Siam di awal-awal kurun ke 14 telah menawan Kerajaan Patani di utara Semenanjung Malaysia. Fei Hsin dalam bukunya "Hsing-Chie Shang-lan" yang bertarikh tahun 1436 Masehi telah menceritakan keadaan negeri Pahang, penduduk, kepercayaan dan kebudayaan mereka. Fei Hsin sedikit pun tidak menyatakan apakah ugama yang dianuti mereka itu. Sebagai seorang Cina - Islam, ia berpendapat kebudayaan seperti itu adalah karut menurut kacamata-nya. Di waktu-waktu itu Pahang telah dipengaruhi oleh ugama Buddha.

10. Misnot, Historical Notes on Indonesia and Malaya from Chinese Sources, hal. 137, nyatakan, "Orang besar dengan orang-orang kebanyakan di negeri ini sangatlah berbaik dan dalam negeri ini tidak ada pencuri, orang-orang disini sangat mempercayai kepercayaan-kepercayaan karut berkenaan dengan hantu, roh-roh, patung-patung, hantu itu dibuat mereka daripada kayu wangi mereka mengorbankan manusia kepada hantu-hantu dengan maksud hendak menolak bala atau hendak meminta apa keuntungan" - Misnot., m.s. 137.

Mahayana. Sebaliknya kekuasaan Sri Vijaya dan Majapahit tidak sekuat dahulu lagi. Pengaruh ugama Buddha telah mengalir masuk ke Pahang sebagaimana mengalirnya pengaruh Siam menggantikan pengaruh Sri Vijaya - Hindu. Siam menggantikan pengaruh Sri Vijaya - Hindu. Tidak heran kalau Tun Sri Lanang, pengarang Sejarah Melayu menceritakan bagaimana keaduan Inderapura (Pahang) dengan rajanya 'Sri Maharaja' terlakuk kepada Paduka Bubunnya (Raja Siam).¹¹

Telah dinyatakan bahawa Melaka telah dibuka pada tahun 1411 iaitu terkemudian dari ujudnya Kerajaan Pahang. Dari segi perkembangan ugama Islam, Melaka lebih memainkan peranan besar dalam mengislamkan Pahang. Ini terbukti dengan tiadanya kenyataan lengkap dan kuat mengenai Islam di Pahang sebelum kedatangan Melaka. Walaubagaimanapun de Evedia, seorang pemulis Portugis menyatakan Ugama Islam telah sampai ke negeri itu sebelum Melaka. Kenyataannya itu mungkin dimaksudkan kepada Trengganu kerana negeri itu telah memeluk Islam pada akhir kurun ke tiga belas lagi berdasarkan batu bersurat yang dijumpai.¹² Namun begitu tiada kenyataan tegas samada ianya menandakan ugama Islam telah bertapak atau hanya telah dibawa oleh pedagang kesana. Juga tidak terdapat bukti-bukti bahawa Ugama Islam telah tersebar ke Pahang dalam jangkawaktu itu.

11. Tun Sri Lanang, loc-cit., m.s. 5.

12. Batu Bersurat itu bertarikh 1303 Masehi dan didapati dekat Sg. Berang, Trengganu.

Berdasarkan nyataan-nyataan itu, bolehlah dikuat kesimpulan bahawa undang-undang yang dipakai (lebih tepat jika dikatakan hukum atau adat) itu adalah samada Hindu atau Buddha. Ini berdasarkan kepada nyataan bahawa ugama dan masyarakat salingkait, oleh itu untuk menjaga kemantapan ugama seharusnya diadakan peraturan-peraturan untuk mengelak perkara-perkara yang tidak diingini masyarakat sebagai satu 'sanction'.

II) Sejarah Kedatangan Islam Ke Pahang

Beberapa pendapat telah bercanggah mengenai tarikh sebenarnya kedatangan Islam ke negeri Pahang. Ini disebabkan tiada suatu kenyataan yang benar-benar lengkap untuk dipegang sebagai catatan. Umpamanya Godenho de Evedia berpendapat Islam lebih dahulu sampai ke Pahang dari pada Melaka. Tetapi tidak terdapat sebarang kenyataan-kenyataan lain yang boleh menyokong dakwaannya itu. Sebaliknya Fei Hsin dalam karangan-nya bertarikh 1436 Masehi masih lagi beranggapan bahawa penduduk Pahang di masa itu "masih mempercayai perkara-perkara karut" lagi. (mungkin Hindu!) Oleh itu apa yang dimaksudkan oleh de Evedia itu mungkinlah negeri Trengganu.¹³

13. Linehan, loc-cit., mss.5.

Sejarah Islam ke negeri Pahang dapat disusuri sejak dari penaklukan Melaka ke atas negeri itu. Semasa pemerintahan Sultan Mudzaffar Shah, Raja Siam (iaitu Paduka Bubunnya menurut Tun Sri Lanang) memerintahkan supaya Melaka diserang kerana enggan untuk datang menyembah ke Siam. Panglima Awu Chakri (atau Awu Dicu) telah dihantar melalui Ulu Pahang untuk menyerang Melaka pada tahun 1445.¹⁴ Di masa pemerintahan Sultan Mansur Syah (1456 – 1477) dengan diketuai oleh Tun Perak dan Seri Bija Biraja Melaka telah menyerang Pahang dan menawan rajanya.¹⁵ Pada masa pemerintahan beliaulah anakandanya, Sultan Muhammad telah dilantik menjadi Sultan Pahang yang pertama.¹⁶

Orang-orang Melaka dimasa itu telah membuat penempatan-penempatan mereka di Tembeling hingga Marcong, sekitar Tasik Cini, Rompin, Tersang dan Sempore, Bebar, Jeram Kuai (Koi), Jong Berlabuh, Lubok Pelang, Lubek Paku, Cini, Canggar dan Pengkalan Durian di Ulur Bebar.¹⁷

Sejak penaklukan Melaka ini Islam telah tersebar ke Pahang dan menjadi ugama resmi di negeri itu. Pengaruh Islam ini lebih dahulu

-
14. Mengikut simpanan Perpustakaan Raffles no. 18, ceritera VIII, Panglima itu bernama Awu Chakra. Buku 'Pangsaawan Luang Prasoet'(?), Raja Siam masa itu ialah 'Bramo Raja II.'
 15. Hj. Buyong Adil, Sejarah Melaka dalam Zaman Kerajaan Melayu, DEP, 1973.
 16. Menurut Sejarah Melayu, beliau telah dihantar ke Pahang akibat membunuh Tun Besar, anakanda Tun Perak (lihat salasih Raja Melaka - Pahang, lampiran I(a)).
 17. Minehan, loc-cit., m.s. 5.

berkisar dikalangan istana sebelum tersebar dikalangan rakyat. Misalnya kedapatan batu-batu nisan berunsurkan Islam dari Aceh seperti yang terdapat pada makam Marhum Muda (Raja Abdullah).¹⁸

Pada abad ke enam belas, orang-orang Minangkabau dari Sumatera telah datang ke Pahang. Kedatangan mereka ini sedikit sebanyak telah mempengaruhi kepercayaan penduduk tempatan. Adapun orang-orang Minangkabau ini lebih dahulu menganut ugama Islam daripada orang-orang Melaka sendiri. Ini disebabkan Pasai dan Inderagiri lebih dahulu menjadi Islam dan menjadi pusat penyebaran Islam di Asia Tenggara. Mereka ini datang dan memudekki ulu Muar dan membuka lombong emas, mencari gading gajah dan hasil-hasil hutan sebagai mata pencarian. Mereka telah membuat penempatan di kawasan Jelai dan disepanjang Sungai Pahang hingga ke Sungai Luit (daerah Maran sekarang, lihat peta). Ini boleh dibuktikan dengan adanya pengakuan daripada Orang Kaya Indera Pahlawan Cenor dan Maharaja Perba Jelai sendiri dengan mendakwa bahawa mereka adalah berketurunan Minangkabau. Selain dari itu "Journal of Federated Malay States Museums" telah men- catitkan mengenai tradisi-tradisi Minangkabau sepanjang melalui ulu Muar dan Bera iaitu kawasan penempatan awal orang-orang Minangkabau itu.¹⁹

18. Makam ini masih lagi terdapat di Kuala Pahang, Pekan. Lihat juga Linehan, loc-cit.

19. Journal of Federated Malay State Museums, jilid II, bhg. II.

Terdapat beberapa catatan lain dimasa pemerintahan Sultan Abdul Ghaffar, mengenai perlantikan ketua-ketua orang Minangkabau di tempat mereka. Secara tidak langsung kedatangan orang-orang Minangkabau ini telah menyebar Ugama Islam dikalangan rakyat biasa. Walaubagaimanapun Ugama Islam yang dibawa itu telah dicampuradukan oleh penduduk tempatan dengan kepercayaan lama mereka hingga kini sukar untuk dikikis pencampuran kepercayaan ini.²⁰

Pemerintahan Sultan Pahang berketurunan Raja Melaka berakhir dimasa pemerintahan Raja Abdullah (Marhum Muda).²¹ Beliau diganti oleh pemerintahan berketurunan Bendahara Johor. Paduka Raja Tun Abdul Jalil, anak almarhum Bendahara Padang Saujana (Tun Habib Abdul Majid) telah dilantik menjadi Sultan Johor – Pahang yang pertama (lihat salasilah Sultan Pahang). Pada masa pemerintahan Bendahara Ali (1806 – 1857) baharu-lah terdapat seorang Kadi dan Mufti yang dikatakan setiap hari datang menghadap beliau dan menerangkan ajaran Islam dan konsepnya.²²

Orang-orang Arab telah datang ke Pahang dan membuat penempatan mereka di Kampung Maulana, Pekan. Mereka ini sangat dihormati oleh

20. Gullick, J.M., loc-cit., m.s. 1.

21. Hj. Buyong Adil, op-cit., hal. 73., lihat salasilah, Sultan Pahang Keturunan Melaka, lampiran I(b).

22. Beliau ialah; Tuan Madi; Tuan Sanggang, Mufti: Hj. Abdul Syukur, 'Tarikh Pahang' disalin oleh Mohd. Nor bin A. Bakar (anak Tok Panglima Balam).

orang-orang Melayu hinggakan berbahasa kepada mereka juga seakan seperti raja.²³ Mereka ini sedikit sebanyak telah mempengaruhi kalangan istana dan juga rakyat diwaktu itu disebabkan oleh kemudahan, taraf dan hubungannya dalam masyarakat sekitar.

Keadaan keliling telah mempengaruhi kehidupan mereka disamping ada penyesuaian dengan ciri-ciri kehidupan penduduk tempatan. Salah satu daripada cubaan untuk menggunakan tiori Islam dan adat Melayu ialah dalam penciptaan "Hukum Kanun Pahang". Undang-undang Islam telah ditiru dalam kanun itu tetapi malangnya tidak dipraktikkan dengan sepenuhnya.²⁴ Walau-bagaimanapun kanun ini menggambarkan sejauhmana undang-undang Islam telah diikuti oleh rakyat dan raja dimasa itu pada segi dasarnya.

Selain daripada pengaruh kedatangan orang-orang luar, usaha mempelajari ugama Islam didapati juga dengan pemergian sendiri ke tempat-tempat yang menjadi pusat penyebarannya diwaktu-waktu itu. Ini disebabkan oleh Kadi, Mufti dan Guru Ugama diwaktu itu terkhusus pada kalangan raja sahaja dan tidak pada rakyat seluruhnya. Lapuran tahunan Negeri Pahang tahun 1905 antara lain menyatakan bahawa;

23. Hj. Buyong Adil, Sejarah Alam Melayu, Jab. Karang Mengarang, Jab. Pelajaran 1949.

24. Hukum Kanun Pahang, JMBRAS, Bil. 14, th. 1921.

"Seorang Pegawai Daerah di Pahang dalam tahun 1905 melaporkan tentang pemergian secara besar-besaran setiap tahun pemuda daerah itu ke Patani dan Kedah untuk mendapatkan Pelajaran Ugama yang tak terdapat di Pahang".²⁵

Pada waktu itu Patani dan Kedah telah menjadi pusat pengajian ugama secara 'pondok' selain daripada Kelantan kemudiannya. Kedatangan Inggeris ke Pahang telah banyak merubah corak penggunaan undang-undang Islam ini. Pada 1. 7. 1889 suatu perjanjian dengan Inggeris telah diadakan dengan J.P. Rodger dilantik sebagai Residennya yang pertama. Salah satu daripada syarat-syarat perjanjian itu ialah adat istiadat Melayu dan Ugama Islam tidak boleh dinodai mereka. Namun begitu corak 'nasihat' yang dipergunakan oleh pihak Inggeris itu tidaklah benar-benar berupa 'nasihat' sebagaimana menurut perjanjiannya. Ada diantara undang-undang Islam itu yang tidak diikuti tetapi sebaliknya undang-undang Inggeris telah diikuti. Secara tidak langsung campurtangan Inggeris itu telah merubah sistem kehakiman dan pentadbiran undang-undang Islam dengan cara yang lebih teratur lagi terutama pada segi hidangkuasa mahkamah.²⁶ Dengan ini telah diterima bahawa undang-undang asas negeri Pahang ialah undang-undang Islam. Sekarang perkara yang bersabit dengan orang-orang Melayu amnya, hendaklah dirujuk kepada undang-undang Islam yang dibentuk itu.

25. Lapuran Tahunan Negeri Pahang, 1905.

26. Hj. Buyeng Adil, op-cit., hal. 227, 228 & 231.

Pada tahun 1895 Pahang telah menjadi ahli dalam Negeri Melayu Bersekutu. Undang-undang negeri Perak, Pahang, Negeri Sembilan dan Selanger telah cuba diselaraskan. Ini termasuk serba sedikit mengenai undang-undang Islam. Misalnya perkara nikah dan cerai telah tertakluk kepada Undang-Undang Pendaftaran Nikah Cerai (bagi orang Islam) tahun 1900 (Enactmen no. 13). Undang-undang ini telah berkuatkuasa pada 1. 10. 1900. Adanya enakmen ini secara langsung telah mengawal peraturan nikah dan cerai dalam bentuk yang bersistem.

Enakmen 1900 ini masih tidak lengkap dalam beberapa segi. Oleh itu pada tahun 1904 suatu enakmen lain telah dibuat dengan menguntukkan beberapa pembahagian kesalahan tertentu yang boleh dibicarakan oleh mahkamah kadi dan mahkamah biasa. Misalnya seksyen 10, 4, 5, 7(a), 7(iii) dan 9, mengenai kesalahan-kesalahan yang dibicarakan oleh mahkamah majistrate. Sementara seksyen 6 dan 7(ii) mengenai kesalahan yang boleh dibawa ke Mahkamah Tinggi.

Pada masa pemerintahan Tengku Besar Mahmud, beliau merupakan seorang yang benar-benar mengambil berat hal-hal ugama Islam. Beliau sering berunding dengan penasihat-penasihat ugama seperti Tuan Al-Habib Muhd. Amin dan Haji Othman bin Senik. Atas usaha mereka ini maka pada tiap-tiap daerah perkembangan undang-undang Islam telah dijalankan oleh kadi-kadi yang dilantik oleh Sultan.²⁷ Kenyataan mengenai aktibiliti-

27. Diwaktu itu jawatan Kadi bergantung kepada siapa yang difikirkan sesuai dan mahir tentang ugama sahaja, tidak pada segi kelayakannya.

aktibiti yang lain bersahit dengan undang-undang Islam tidak ada, kebanyakannya aktibiti yang nyata di tiap-tiap daerah tertumpu dibidang pengajian Quran sahaja.

Pada tahun 1909, kerajaan Inggeris berpusat di Singapura telah membentuk sebuah Persekutuan untuk ke empat-empat negeri Melayu iaitu Pahang, Perak, Selangor dan Negeri Sembilan. Pertambahan kuasa dari menasihat kepada mentadbir negeri-negeri Melayu itu sedikit sebanyak telah menjaskankan kuasa para Sultan-sultan. Walaupun di dalam perlembagaan Majlis Persekutuan 1909 itu membuat ketetapan tegas mengenai kuasa ini tetapi sebaliknya menjelaskan lagi bahawa kuasa mereka terhad di suatu bidang tertentu.²⁸ Sekali lagi parkara ini telah dibuat dalam perjanjian semula Perlembagaan Majlis Persekutuan 1927 yang antara lain menyatakan;²⁹

Seksyen 13:

"...Subject to the provisions of Article 12 questions connected with the Muhammadan religious, mosques, political pensions, native chiefs, and penghulus and any other question which in the opinion of the 'High Commissioner' effect the rights and prerogatives of any of the Rulers or which for other reasons he considers should properly be dealt with only by the State Councils, shall be exclusively reserved to the State Councils".

28. Roland Braddell, Agreement for the Constitution of Federal Council, Legal Status of the Malay States, 1931.

29. Ibid.

Seksyen 15:

"...nothing in this agreement is intended to contain any of the powers or authority now held by any of the Rulers in their respective States, nor does it alter the relations non't existing between any of the States named and the British Empire as established by previous Treaties."

Soalnya sekarang ialah samada maksud itu sebenar-benarnya luas sedangkan di dalam perkara agama sendiri perlu mendapat perhatian dari Persuruhanjaya Tinggi Inggeris sendiri dan mendapat persetujuan dari Majlis dahulu. Keadaan ini telah berlarutan hingga tahun 1957, di mana Perlembagaan telah membuat peruntukan khas mengenai ugama Islam dalam senarai negeri.³⁰

III) Sejarah Ringkas Perkembangan Majlis Agama

Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang

Sejak awal-awal tahun 1920 'an, undang-undang Islam telah ditadbirkan oleh suatu badan khas yang lain dibawah pengawasan Sultan. Akhir-akhir ini fungsi badan ini telah terbahagi dua antara Majlis dan Jabatan Agama Islam Pahang.

30. Perlembagaan Persekutuan, Senarai Negeri, dibaca dengan perkara 2.

Di masa pemerintahan Sultan Abdullah pegawai-pejawai yang menjalankan tugas bersabit dengan undang-undang Islam telah diberi tauziah. Ini untuk membuktikan bahawa mereka ini menjalankan kuasa bagi pihak Sultan. Namun demikian tidak terdapat kenyataan-kenyataan lanjut yang menyatakan bahawa pegawai yang dilantik seperti Mufti, Kadi-kadi, Guru-guru Ugama mempunyai kelayakan tertentu dari segi akademik. Malah ada terdapat kekosongan jawatan Mufti antara tahun 1920 'an kerana kematian Mufti Haji Othman bin Senik. Sebaliknya jawatan Kadi Besar sahaja telah diujudkan.

Pada tahun 1920, Undang-undang Pendaftaran Nikah dan Cerai (bagi orang-orang Islam) (Bilangan 1) telah dikuatkuasakan untuk menggantikan undang-undang tahun 1900. Antara lain undang-undang ini memerlukan suatu badan khas untuk mentadbirkan undang-undang itu. Sultan Abdullah sebagai mengambil inisiatif dalam soal ini telah merancangkan penubuhan Majlis Anggota Islam Pahang supaya selaras dengan Jawatankuasa Sekolah-Sekolah Quran Pahang (telah ditubuhkan pada tahun 1925). Yang di Pertua Tengku Besar Sulaiman, Kadhi Besar Hj. Mohd. Daud, Kadi-kadi - Lebai Jusuh (Kelantan), Lebai Deraman (Lipis) Lebai Ahmad (Temerloh), Hj. Abu Bakar b. Dato A. Halim, Che'gu Mohd. Idris b. Abd. Kadir dan Hj. Omar merupakan ahli Majlis 'Anggota' yang pertama. Semasa pemerintahan Sultan Abu Bakar sahajalah 'Majlis' ini telah menjadi kenyataan setelah mendapat persetujuan dari Majlis Mesyuarat Negeri pada 28. 5. 1933, Tengku Besar Sulaiman telah dilantik menjadi Yang di Pertua Majlis yang pertama. Majlis diwaktu itu berfungsi mengutip zakat, fitrah dan pentadbiran Sekolah-Sekolah Arab.

Pada tahun 1933, Undang-undang Islam (bilangan 3) telah diluluskan dengan menguntukkan beberapa fungsi-fungsi khas didalamnya kepada Majlis Anggota Islam Pahang. Dengan ini Majlis telah diberi peranan untuk menjalankan dasar undang-undang itu. Majlis telah berjalan hingga Perang Dunia Kedua.

IV) Sejarah Ringkas Jabatan Agama dan Adat Melayu Pahang

Jabatan Agama dan Adat Melayu Pahang telah mengadakan mesyuarat pertamanya pada 10. 11. 1943 dengan ahli-ahlinya terdiri daripada Tengku Besar Pahang (ketua), Tengku Panglima Perang, Tengku Arif Temenggung, Orang Kaya Indera Segara, Dato' Setia Jaya, Mufti kerajaan Pahang (sebenarnya Kadi Besar Pahang juga) diwaktu itu.

Pada tahun 1956, Undang-undang Tadbir Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu (Bilangan 5), 1956 telah diluluskan bagi menggantikan Majlis Agama Islam Pahang. Dengan ini ujud pula Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Pahang yang antara lain fungsi-fungsinya sebagai penasihat kepada Sultan mengenai agama dan adat istiadat Melayu. Ini adalah ekoran daripada peruntukan yang telah dibuat dalam Perjanjian Tubuh Kerajaan Pahang tahun 1948.³¹

31. Malayan Constitutional Documents, The Pahang Agreement, JMBRAS, Vol. 2, chapter IV, lihat lampiran I(c).

Kesimpulannya, semenjak diadakan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu, dengan pembahagian kuasa yang jelas, sistem undang-undang Islam yang dikenakan adalah begitu jelas sekali pemakaiannya. Jauh perbezaannya jika dibandingkan dengan Hukum Kanun Pahang dahulu. Namun demikian tarafnya jauh lebih rendah dari undang-undang biasa (awam) sekarang ini dan telah seharusnya dipinda.